


KAPSUL
PENGUNA

f t d i p KPDN



**PEMANTAUAN SEMPADAN NEGARA
MALAYSIA - THAILAND**

KANDUNGAN

- 3 MISI RAHMAH EKONOMI SEMPADAN MALAYSIA – BRUNEI**
- 4-5 PERSIDANGAN FRANCAIS ANTARABANGSA MALAYSIA 2023 (FIM2023)**
- 6 TRELER JUALAN RAHMAH BERGERAK/MOBIL MUDAHKAN RAKYAT MENDAPATKAN BARANGAN KEPERLUAN**
- 7 MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KPDN & AGENSI TAHUN 2022**
- 8 PEMANTAUAN SEMPADAN NEGARA MALAYSIA - THAILAND**
- 9 JELAJAH DAYA NIAGA FRANCAIS ZON UTARA SASAR 30 USAHAWAN FRANCAIS DENGAN NILAI PELABURAN RM7.5 JUTA**
- 10-11 BELI LAIN, DAPAT LAIN?**
- 12 KORBAN RAHMAH**
- 13 GPS JADI DUTA KECIL MENYEBARLUAS ADVOKASI KEPENGUNAAN**
- 14-15 KAMI BERTINDAK**
- 16-19 LENSA**



MISI RAHMAH EKONOMI SEMPADAN MALAYSIA - BRUNEI

YB Datuk Seri Salahuddin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah mengetuai "Misi RAHMAH Ekonomi Sempadan Malaysia – Brunei" – Projek Pembekalan LPG Tidak Bersubsidi ke Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah.

Untuk makluman, Program "Misi RAHMAH Ekonomi Sempadan Malaysia-Brunei" merupakan satu bentuk kerjasama ekonomi antara Malaysia dengan negara jiran yang bersempadan dengan negara ini dengan menumpukan kepada pembekalan barang keperluan. Objektif program ini adalah bagi meningkatkan keterjaminan bekalan serta peningkatan kerjasama perdagangan antara negara ini dan negara jiran.

Bagi program "Misi RAHMAH Ekonomi Sempadan Malaysia-Brunei", ianya dimulakan dengan pembekalan LPG

tidak bersubsidi dari Malaysia ke Brunei dan akan diperluaskan dengan barang keperluan lain yang akan diperincikan di antara kedua-dua negara pada masa akan datang.

PETRONAS menerusi pengeluaran LPG di Loji Teluk Sepanggar, Sabah, telah bersetuju untuk membekalkan sebanyak 150 Tan Metrik (MT) LPG tidak bersubsidi kepada Brunei.

Pembekalan LPG disempurnakan oleh syarikat Brunei Shell Marketing Company (BMSC) Sendirian Berhad dari Terminal Minyak dan LPG Teluk Sepanggar, Sabah ke Brunei telah bermula 16 Jun sehingga 01 Julai 2023.

Pada masa yang sama, pihak KPDN memberi jaminan bahawa pembekalan LPG tidak bersubsidi ke Brunei tidak akan menjelaskan kelangsungan bekalan LPG di dalam negara.



PERSIDANGAN FRANCAIS ANTARABANGSA MALAYSIA 2023 (FIM2023)

Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2023 (FIM2023) kali ini melibatkan penyertaan daripada pelbagai jenama francais tempatan dan antarabangsa daripada 9 buah negara termasuk Amerika Syarikat, Australia, Brunei, Jepun, Korea Selatan, Filipina, Singapura, Taiwan dan Malaysia sendiri. Selain syarikat francais, FIM turut mengumpulkan beberapa agensi berkaitan serta pembekal bagi mewujudkan ekosistem francais yang bersepada.

FIM2023 kali ini telah berlangsung selama 3 hari, bermula dari 18 hingga 20 Mei. Ini merupakan platform urusniaga francais yang kondusif buat usahawan francais tempatan dan antarabangsa.

Ianya telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur.

Untuk pengetahuan, pameran dan persidangan francais yang terbesar di Asia Tenggara ini juga mensasarkan seramai 15,000 orang pengunjung dengan jangkaan potensi pelaburan francais berjumlah RM550 juta sepanjang pameran tiga hari itu berlangsung.



TRELER JUALAN RAHMAH BERGERAK/MOBIL MUDAHKAN RAKYAT MENDAPATKAN BARANGAN KEPERLUAN

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup telah melancarkan Treler Jualan RAHMAH Bergerak/Mobil sempena Love Penang Agrofest@Pesta Mengkuang 2023 yang diadakan di Kubang Semang Butterworth, Pulau Pinang.

Program Jualan RAHMAH ini dilaksanakan dengan tiga (3) cara iaitu cara yang pertama ialah dengan membuat jualan di dalam premis yang sesuai seperti pasar raya, hypermarket dan sebagainya. Cara yang kedua adalah secara di lapangan di mana KPDN bekerjasama dengan pemimpin tempatan membawa pemain-pemain industri untuk membuat jualan di kawasan Parlimen dan DUN.

Manakala cara yang ketiga seperti yang telah dilancarkan sebelum ini adalah diadakan secara bergerak/mobil oleh rakan strategik KPDN yang akan mengadakan jualan secara bergerak/mobil di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai kemudahan pasar raya atau premis peruncitan yang bersesuaian serta jauh untuk mendapatkan barang keperluan harian.

Diperingkat negeri Pulau Pinang, pelaksanaan Jualan RAHMAH Bergerak/Mobil ini telah dirancang dan akan menjelajah ke semua DUN bermula hari ini sehingga 28 Jun 2023. Ini bagi memberi peluang kepada rakyat Pulau Pinang membuat persediaan menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha pada minggu hadapan. Seterusnya Program Jualan RAHMAH akan diteruskan di semua kawasan Parlimen di Pulau Pinang dengan kekerapan 2 kali sebulan sehingga bulan Disember 2023.



NOOR RASHIDA BINTI ABDUL KASRIID
PENGARAH
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KEWANGAN
GRED M54



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KPDN & AGENSI TAHUN 2022

Telah berlangsung Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPDN & Agensi Tahun 2022 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya.

Majlis ini amat signifikan khususnya dalam memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada pegawai perkhidmatan awam yang telah menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang.

Prestasi perkhidmatan yang cemerlang ini termasuklah juga segala khidmat dan bakti dalam melaksanakan tanggungjawab baik tugas rasmi mahupun sumbangan aktif dalam kegiatan sukan, sosial dan kemasyarakatan.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada 449 penerima anugerah yang akan diraikan pada hari ini iaitu terdiri daripada 371 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), 74 penerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang (SPC) dan 4 penerima Anugerah Khas.

Semoga pengiktirafan ini akan menyuntik semangat dan mencetus inspirasi kepada semua warga KPDN untuk terus memberikan khidmat bakti dengan lebih cemerlang dan seterusnya menjadi role model kepada pegawai lain.





PEMANTAUAN SEMPADAN NEGARA MALAYSIA - THAILAND

Satu sesi pemantauan sempadan negara Malaysia-Thailand oleh YB Datuk Seri Salahuddin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup telah diadakan di Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan.

Lawatan sempadan ini diadakan bersama rakan strategik penguatkuasaan Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Negeri Kelantan.

Dalam lawatan ini turut diadakan Sesi Ramah Mesra bersama Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor Tumpat dan Pasukan Polis Marin Thailand.

Turut sama, YB Senator Puan Hajah Fuziah Salleh-Timbalan Menteri KPDN, YBhg Datuk Azman Mohd Yusof-Ketua Setiausaha KPDN, YBhg Datuk Roziah Abudin-Timbalan Ketua Setiausaha PDN KPDN, YBhg Datin Roszanina Wahab-Timbalan Ketua Setiausaha PPP KPDN, YBrs. Tuan Hj Azman Ismail-Pengarah Pejabat KPDN Negeri Kelantan serta Exco-exco Kepenggunaan Negeri, Pengarah-pengarah KPDN Negeri dan Pegawai Kanan Kementerian.

JELAJAH DAYA NIAGA FRANCAIS ZON UTARA SASAR 30 USAHAWAN FRANCAIS DENGAN NILAI PELABURAN RM7.5 JUTA

Jelajah Daya Niaga Francais yang pertama dilaksanakan oleh KPDN bagi tahun 2023 hasil perekayaan Program *Franchise Bay* sebelum ini. Program tiga (3) hari ini bermula pada 9 – 11 Mei 2023 merupakan pembuka tirai untuk siri program pembangunan perniagaan francais dalam negara.

Ianya telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sempena Program Daya Niaga Francais Zon Utara 2023 di Dataran Putra Brasmana, Perlis.

Kementerian menyasarkan sekurang-kurangnya 30 potensi francaisi baharu dengan nilai pontensi pelaburan sebanyak RM7.5 juta dapat dicapai menerusi 12 syarikat francaisor tempatan yang terlibat dalam program ini.

Program ini merupakan platform bagi usahawan francais dan peniaga bagi mempromosikan perniagaan mereka serta bersama-sama menyumbang ke arah pengukuhan ekonomi dalam menangani kos sara hidup.

Perniagaan francais dilihat mampu memberi satu dimensi baru terutama kepada golongan muda, wanita, siswazah dan golongan B40 dan M40 yang berminat menceburi perniagaan dan menjadi pencipta pekerjaan atau job creator.

Selain itu, YBTM turut melancarkan Aduan Suri Peringkat Negeri Perlis yang merupakan mekanisma penyaluran aduan yang menyasarkan para suri rumah untuk membuat aduan secara mudah dengan hanya mengimbas QR code.





**"Beli barang online memanglah murah,
tapi barang sampai rupanya kena tipu"**

BELI LAIN, DAPAT LAIN?

Pernah berhadapan situasi dimana anda membuat pembelian dalam talian dan kemudian produk yang dibeli tidak seperti yang diharapkan? Tahukah anda sekiranya berlaku situasi sebegini, anda mempunyai hak untuk membuat tebus rugi. Kesedaran terhadap hak anda sebagai pengguna penting untuk menjadikan anda sebagai seorang pengguna yang celik.

Pengguna ada hak tebus rugi!!

Sebagai pengguna, anda berhak untuk mendapatkan pampasan atau ganti rugi ke atas pembelian barang/ perkhidmatan yang rosak, gagal berfungsi dan tidak memenuhi ciri ciri yang sepatutnya ada barang barang atau perkhidmatan tersebut. Jika berlaku sebarang penyelewengan terhadap barang yang dibeli, anda boleh membuat tuntutan terhadap peniaga tersebut.

Sekiranya anda gagal mendapatkan ganti rugi daripada peniaga tersebut, anda boleh mengemukakan tuntutan anda ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM). Cara untuk membuat tuntutan ialah:

1. Fail tuntutan dengan mengisi Borang 1. Anda boleh dapatkan borang ini di semua cawangan Tribunal atau muat turun di portal e-Tribunal. Anda perlu membayar RM5.00 untuk pemfailan borang tersebut.

2. Salinan Borang 1 akan diserahkan kepada pihak yang dituntut, dan kedua-dua pihak perlu hadir ke pendengaran tuntutan tersebut. Tarikh pendengaran akan ditetapkan oleh Tribunal.

Selepas tuntutan berjaya diselesaikan dengan persetujuan kedua-dua pihak, Tribunal akan mengeluarkan Award (terma ini digunakan untuk penyelesaian yang ditawarkan oleh Tribunal). Award tersebut boleh jadi dalam bentuk wang yang dibayar kepada pengadu, ataupun ganti untuk barang yang dibeli.

Nilai maksimum yang boleh dituntut di TTPM adalah tidak melebihi RM50,000 dan sah selama 3 tahun.

Selain itu, pastikan juga anda menyimpan semua dokumen berkaitan dengan pembelian dan servis yang anda peroleh dari peniaga sebagai bukti. Antara dokumen yang boleh digunakan sebagai bukti ialah invois, resit, risalah iklan, barang yang rosak, dan dokumen lain yang boleh menyokong tuntutan ganti rugi anda.

Oleh itu, gunakan hak anda sebagai pengguna dengan sebaiknya. **"Tahu Hak, Berani Bertindak"**.

PENGGUNA ADA HAK TEBUS RUGI!

Simpan resit/ bukti pembelian/ waranti/ bukti kerosakan



Dapatkan ganti rugi daripada peniaga



ttpm

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia
1111 Mi

Jika GAGAL, tuntut tebus rugi anda melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)



1 BUTIRAN PENTING PERLU ADA Ketika failkan tuntutan TEBUS RUGI di TPM

1 BUTIR PERIBADI PIHAK PENUNTUT

Nama, No.Kad Pengenalan, Alamat Kediaman

2 BUTIRAN PIHAK DITUNTUT

Nama, Alamat Individu/ Syarikat

3 BUTIRAN TUNTUTAN

Pengembalian Wang, Penggantian Barang/ Bergantung Kepada Jenis Tuntutan Pengguna

4 JUMLAH TUNTUTAN WANG

5 BUKTI / DOKUMEN SOKONGAN

- ✓ Resit / Transaksi Pembayaran
- ✓ Dokumen Perjanjian
- ✓ Surat Jaminan/ Waranti
- ✓ Gambar Bukti kerosakan
- ✓ Rekod Perbualan

Nilai maksimum tuntutan di TPM adalah tidak melebihi RM 50,000 & sah selama 3 tahun





KORBAN RAHMAH

Pihak Econsave telah menyumbang sebanyak 200 ekor kambing yang bernilai RM 200 ribu bagi Program Korban RAHMAH untuk diserahkan kepada Yayasan RAHMAH.

Untuk makluman, Pasaraya Econsave melaksanakan 4 inisiatif dibawah Program RAHMAH yang terdiri daripada Jualan RAHMAH, Jualan Daging RAHMAH Sempena Hari Raya, Harga Borong RAHMAH dan hari ini Korban RAHMAH.

Dalam menyokong inisiatif kerajaan untuk meringankan beban ekonomi dan kos sara hidup rakyat Malaysia, Econsave Cash & Carry memainkan peranannya bagi memastikan pelanggan boleh membeli barang pada harga yang rendah.

Sehingga kini, Pasaraya Econsave masih menawarkan kempen Jualan RAHMAH yang telah dilancarkan pada 11 Januari 2023. Sehingga kini, lebih 3000 jenis harga barang telah diturunkan sepanjang Program Jualan RAHMAH diadakan.

Acara telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Salahuddin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di Econsave Muar, Johor.



GPS JADI DUTA KECIL MENYEBARLUAS ADVOKASI KEPENGUNAAN

Majlis Perdana Gerakan Pengguna Siswa (MPGPS) 2023 yang berlangsung mulai 13 hingga 15 Jun 2023 merupakan satu program tahunan dalam kalender Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama kelab Gerakan Pengguna Siswa (GPS) dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) di seluruh negara.

Ianya telah dirasmikan oleh YB Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di Savanna Hill Resort, Ulu Tiram, Johor.

Kelab GPS telah diasaskan oleh KPDN bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk membentuk sebuah entiti yang berstruktur, berperlembagaan, berperaturan dan berkepimpinan dengan pelajar IPT sebagai ahli untuk bekerjasama melaksanakan aktiviti

kepenggunaan yang berkesan. Sehingga tahun 2023, terdapat 178 buah Kelab GPS yang telah berdaftar dengan seramai 8,748 pelajar yang menjadi ahli Kelab GPS di IPT seluruh Malaysia.

Untuk makluman, seramai 200 peserta GPS daripada 100 IPT di seluruh negara telah berkampung di Savanna Hill Resort, Johor bagi menjayakan pelbagai aktiviti kepenggunaan yang telah diatur seperti sesi dialog bersama YB Timbalan Menteri KPDN, penglibatan dalam aktiviti Cabaran Interaktif Pengguna GPS, mengikuti aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan di lapangan bersama Penguat Kuasa KPDN, sesi *pocket talk* serta aktiviti pameran yang dapat memberi pendedahan yang bermanfaat berkaitan ilmu kepenggunaan kepada peserta MPGPS.

KAMI BERTINDAK!

1

KPDN RAMPAS 1,500 BARANG TIRUAN DI PARIT BUNTAR

IPOH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) Perak Berjaya merampas 1,500 unit barang termasuk kasut dan set pakaian sukan disyaki tiruan dianggarkan bernilai RM83,000 di premis sekitar Jalan Pasar, Parit Buntar pada Rabu.

Pengarahnya Datuk Kamalludin Ismail berkata rampasan dilakukan menerusi operasi bersepada membanteras aktiviti pengedaran dan penjualan barang tiruan oleh 20 anggota penguat kuasa pasukan itu kira-kira 12 tengah hari.

2

GAGAL KEMUKA RESIT PEMBAYARAN, SYARIKAT PENGURUSAN BANGUNAN DIKOMPAUN

SELANGOR: KPDN telah mengambil tindakan ke atas sebuah syarikat pengurusan bangunan kediaman di Petaling Jaya, Selangor. Ini kerana pihak pengurusan tersebut telah gagal mengemukakan resit sebagai bukti pembayaran berhubung kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dibuat kepada pengadu pada 17 Mei 2023.

Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN memaklumkan siasatan telah dilakukan oleh sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Petaling Jaya ke atas aduan yang telah dikemukakan.

"Hasil siasatan mendapati pihak pengurusan bangunan berkenaan telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 140(2) Akta Pelindungan Pengguna 1999 kerana gagal memberikan resit kepada pengguna bagi perkhidmatan penyelenggaraan bangunan dan telah dikenakan kompaun di bawah Seksyen 146 Akta yang sama".

Ini jelas menunjukkan bahawa Kementerian tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak sekiranya didapati gagal mengemukakan resit kepada pengguna ke atas apa-apa pembelian barang atau perkhidmatan jika diminta oleh pengguna itu termasuklah dengan mendakwa mereka di mahkamah.

"Hasil risikan telah berjaya mengesan empat premis di lokasi yang disyaki dijadikan stor penyimpanan barang tiruan. Serbuan dilakukan oleh pasukan penguat kuasa KPDN Perak dengan kerjasama wakil pemilik cap dagang.

"Pemeriksaan menemukan keseluruhan unit barang itu yang disyaki menggunakan cap dagangan berdaftar secara salah di tempat kejadian," katanya dalam kenyataan di sini pada malam Rabu.

Beliau berkata verifikasi awal yang dijalankan oleh wakil pemilik cap dagang berdaftar mendapati semua barang tersebut disyaki tiruan dan kes disiasat di bawah Akta Cap Dagangan 2019.

Sumber: Astro Awani



"Tindakan boleh diambil di bawah Akta Pelindungan Pengguna 1999 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00 bagi pertubuhan perbadanan manakala bagi perseorangan tidak melebihi RM50,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya sekali".

3 PENYELEWENGAN LPG DISERBU



PUTRAJAYA: Satu aktiviti penyelewengan gas petroleum cecair (LPG) atau *decanting* Berjaya ditumpaskan oleh sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Putrajaya dalam satu (1) serbuan yang dilakukan ke atas sebuah premis tanpa nama di Mantin, Negeri Sembilan pada 13 Jun 2023.

Menurut Datuk Azman bin adam, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, semasa serbuan, seorang individu lelaki didapati sedang leka melakukan aktiviti pemindahan gas petroleum cecair (LPG) daripada tong LPG berkapasiti 14kg bersubsidi kepada tong LPG berkapasiti 50kg.

Modus operandi sindiket ini adalah dengan membeli LPG 14kg bersubsidi terus daripada lori-lori penghantaran LPG di sekitar daerah Sepang, Nilai, Mantin dan Broga. LPG bersubsidi tersebut kemudiannya 2 akan dibawa ke stor haram terbabit seterusnya akan dipindahkan ke tong LPG 50kg untuk kegunaan industri.

"Beberapa tong gas kosong dan berisi pelbagai jenama berkapasiti 12kg, 14kg dan 50kg, kenderaan jenis lori 2.5 tan, alat penimbang pelantar elektronik, hos penyambung, telefon bimbit serta beberapa dokumen perniagaan lain yang turut ditemui telah disita bagi siasatan lanjut. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM60,000.00".

Kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut ke atas kes ini akan dibuat di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 bagi mengenalpasti individu/syarikat yang terlibat dalam aktiviti ini serta mengenalpasti rantaian pengedaran LPG terbabit.

4 TANGANI ISU BEKALAN OPS MANIS GULA



BAYAN LEPAS: Susulan isu bekalan gula di Pantai Timur, KPDN telah melaksanakan operasi bersepadu OPS MANIS 2023 bermula 3 Mei 2023 sehingga 9 Mei 2023 (tempoh 7 hari pelaksanaan).

Menurut YB Menteri, Datuk Seri Salahuddin Ayub, hasil pelaksanaan OPS MANIS mendapati isu gangguan bekalan yang berlaku semakin pulih. Pemborong-pemborong utama di kedua-dua negeri telah menerima bekalan daripada pengilang secara berperingkat untuk diedarkan kepada pemborong dan peruncit di seluruh kawasan.

"Hasil laporan yang diterima menunjukkan peningkatan stok penerimaan gula bagi kedua-dua negeri dengan anggaran peningkatan sebanyak 36% dalam 4 hari sahaja berbanding anggaran purata penerimaan gula bagi negeri Kelantan adalah sebanyak 400MT seminggu dan bagi negeri Terengganu sebanyak 300MT seminggu".

OPS MANIS juga mendapati aduan-aduan yang diterima semakin berkurang dan menurun kepada purata 1 aduan bagi sehari pemeriksaan sahaja. Petugas Khas juga melaporkan tiada kes diambil keatas peniaga kerana tiada kesalahan sorok, enggan menjual barang kawalan atau lain-lain kesalahan ditemui.

Sehingga 6 Mei 2023, sebanyak 132 pemeriksaan telah dilaksanakan di negeri Kelantan dan 224 pemeriksaan telah dilaksanakan di negeri Terengganu.

PEGAWAI PENERANGAN

GRED B41









KAPSUL PENGGUNA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP.

NO. 13, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62623 PUTRAJAYA,
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

